

PHISH ALERT BUTTON

Phish Alert Button (PAB) membolehkan anda melaporkan e-mel yang mencurigakan supaya organisasi anda dapat melindungi pekerja seperti anda! Gunakan maklumat di bawah untuk mengetahui bila untuk menggunakan PAB, cara untuk membezakan antara e-mel spam dan pemancingan data, serta cara untuk melaporkan e-mel yang mencurigakan.

BILA?

Gunakan Phish Alert Button (PAB) apabila anda mengesyaki bahawa anda telah menerima e-mel pemancingan data. PAB digunakan untuk melaporkan e-mel yang anda percayai adalah berniat jahat.

KENAPA?

Melaporkan e-mel akan membantu anda dan organisasi anda untuk kekal selamat. Dengan melaporkan tentang e-mel ini, e-mel yang mengancam akan dikeluarkan dari peti masuk anda dan organisasi anda akan sedia maklum tentang kemungkinan kelemahan ini. Setelah organisasi anda mengetahui kemungkinan kelemahan tersebut, mereka boleh mempertingkatkan pertahanan daripada ancaman ini. Anda adalah bahagian penting dalam proses menjaga keselamatan organisasi anda daripada penjenayah siber.

APA?

Untuk mengetahui e-mel yang harus anda laporkan, anda mesti dapat mengenal pasti perbezaan antara e-mel spam dan pemancingan data yang berniat jahat. Elakkan melaporkan e-mel Spam kerana ini boleh menghalang pasukan IT anda daripada mengenal pasti e-mel pemancingan data yang berniat jahat tepat pada masanya.

Gunakan jadual di bawah untuk mengenal pasti perbezaan antara e-mel spam dan pemancingan data:

PEMANCINGAN DATA	SPAM
E-mel pemancingan data dihantar oleh penjenayah siber untuk menarik minat anda bagi mengklik pada pautan atau memberi maklumat peribadi atau sensitif.	E-mel spam biasanya dihantar oleh syarikat yang berusaha menjual produk atau perkhidmatan kepada anda.
Sering kali mendesak ("lakukan ini sekarang!")	E-mel "sampah" yang tidak diminta atau tidak diingini
Meminta maklumat sensitif, seperti nama pengguna, kata laluan atau butiran kad kredit	E-mel yang dihantar untuk mengiklankan produk
Ia boleh lebih diperibadikan atau disasarkan kepada anda atau organisasi anda	E-mel seperti surat berantai yang dimajukan, kupon, permintaan sumbangan dan buletin yang tidak diingini

BAGAIMANA?

Setelah anda mengenal pasti perbezaan antara e-mel pemancingan data dan spam, berikut adalah cara anda untuk melaporkan e-mel yang mencurigakan dengan menggunakan PAB.

1. Pada mana-mana e-mel yang terbuka, klik pada ikon PAB.
2. Sekiranya peti masuk anda meminta anda mengesahkan bahawa anda ingin melaporkan e-mel tersebut, klik **Ya** untuk mengesahkan tindakan anda. A message will display to confirm you have successfully reported an email.
3. Satu mesej akan dipaparkan untuk mengesahkan bahawa anda telah berjaya melaporkan e-mel tersebut.

KESIMPULANNYA...

Sentiasa ingat untuk "Berhenti, Lihat dan Berfikir!" sebelum anda klik.